



ISTANA BUDAYA

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN PELANCONGAN
MALAYSIA

mempersembahkan

konsert

'Keranamu Malaysia'

dengan iringan

oleh

Koir Kebangsaan
Orkestra Simfoni Kebangsaan

konduktor

Mustafa Fuzer Nawi

solo

Syafinaz Selamat
Khairil Johari Johar

deklamator puisi

Ahmad Yatim





Buruh nelayan dan juga petani
Gaya hidup kini dah berubah
Anak-anak terasuh mindanya
Lahir generasi bijak pandai

Pakar I.T. pakar ekonomi
Jaguh sukan dan juga jutawan
Berkereta jenama negara
Megah menyusur di jalanraya

Alam cyber teknologi terkini
Kejayaan semakin hampiri
Biar di kota ataupun di desa
Kita semua
Pasti merasa bangga

Keranamu
Kami mendakap tuah
Keranamu
Kami bangsa berjaya
Keranamu
Kami hidup selesa
Limpah budi kemakmuran negara

Keranamu
Kami bebas merdeka
Keranamu
Nyawa dipertaruhkan
Keranamu
Rela kami berjuang
Demi bangsa kedaulatan negara
Keranamu negara Malaysia
Malaysia...
Terima kasih Malaysia!!!

Lagu: Pak Ngah
Lirik: Siso Koprata

Salam Pemula *welcoming speech*
MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN
PELANCONGAN MALAYSIA

Minister of Culture, Arts and Tourism Malaysia



Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat merealisasikan Konsert Orkestra Simfoni Kebangsaan dan Koir Kebangsaan yang diadakan khusus sempena sambutan Bulan Kemerdekaan tahun ini.

Saya amat berharap agar konsert kali ini membawa kesan yang mendalam pada sanubari penggemar muzik tanahair di samping dapat mencetuskan nostalgia silam terhadap penggubah-penggubah lagu tempatan yang sejak dulu mencurahkan bakti mereka membangunkan industri muzik tanahair.

Bersesuaian dengan tema sambutan Bulan Kemerdekaan "Keranamu Malaysia" diharapkan para penggemar muzik tanahair dapat mengimbas kembali kenangan lampau terhadap perjuangan para karyawan seni melalui alunan lagu ciptaan lirik dan gubahan yang di susun mengikut konsep orkestrasi yang dipersembahkan.

Semoga persembahan Konsert Orkestra Simfoni Kebangsaan dan Koir Kebangsaan kali ini dapat meneruskan kegemilangan muzik di alaf baru ini.

Sekian, terima kasih.

DATO' ABDUL KADIR HJ.SHEIKH FADZIR



Congratulations to all who have been involved in realizing the performance of The National Symphony Orchestra and The National Choir Concert held especially to commemorate the celebration of the independence month this year.

I sincerely hope that this concert will strike a chord with the music lovers in this country and help to enkindle the spirit of creativity within the hearts of the arrangers and composers who have done us proud.

Appropriately, the theme chosen for this year's independence month celebrations is 'For You Malaysia'. It is hoped that local music enthusiasts will relish the opportunity to relive the memories specifically of the artists in the music industry, through the arrangements that have been written for the orchestra.

It is hoped that this concert of the National Symphony Orchestra and National Choir will continue taking the standard of music performance in this country to greater heights.

Thank you.

pembuka bicara *opening speech*

**KETUA SETIAUSAHA,
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN
PELANCONGAN MALAYSIA.
Secretary General,
Minister of Culture, Arts and Tourism Malaysia**



Rentetan perjuangan yang dilalui oleh pejuang kemerdekaan masa lampau tidak akan dapat dirasakan oleh generasi hari ini tanpa kesedaran yang tulus ikhlas. Adalah sukar untuk mengalirkan airmata keriang tanpa sentuhan kalbu yang penuh kesayuan dan kecintaan. Gementaran sanubari hanya terbit dari jiwa yang halus dan kudus yang memahami apa itu erti kemerdekaan.

Mudah-mudahan keharmonian dan kejayaan yang dikecapi masa kini mampu mengimbau tabir di sebalik perjuangan kemerdekaan dan menimbulkan rasa kesedaran itu. Adalah menjadi tanggungjawab semua warganegara menyatakan terima kasihnya yang tidak terperi terhadap perjuangan ini. Kini tiba masanya kita meraikan hari kemerdekaan yang menjadi kegemilangan negara.

Selamat menyambut Hari Ulangtahun Kemerdekaan dengan penuh kesyukuran.

'Keranamu Malaysia'

DATO' TENGKU ALAUDIN TENGKU ABD. MAJID



The struggle for independence that the nations' forefathers endured will not be felt and understood without a sincere and concerted effort. It is truly difficult to weep tears of joy and experience the intensity of emotions without a sensitive spirit that truly understands the meaning of independence and freedom.

It is hoped that the harmony and success enjoyed by Malaysia today will also provide an insight into and an awareness of the struggle for independence. It is thus the responsibility of every Malaysian to be thankful for this successful quest.

Now it is time once again to celebrate the joyous occasion of Independence Day!

Happy Independence Day.

Peace, joy and harmonious Malaysia.

aluan kata *a word from*
KETUA PENGARAH ISTANA BUDAYA
Director General, Istana Budaya



Bagi merealisasikan semangat kemerdekaan yang wujud di jiwa setiap insan rakyat Malaysia hari ini, Istana Budaya bangkit dengan sebuah persembahan patriotik sejajar dengan hasrat sambutan Bulan Kemerdekaan.

Gabungan Orkestra Simfoni Kebangsaan dan Koir Kebangsaan bakal membangkitkan perasaan patriotisma yang mendalam bagi setiap pencinta seni tanahair. Detik-detik perjuangan diungkap melalui lirik lagu yang penuh puitis. Lagu-lagu yang dipilih menggambarkan rentetan kejadian di sebalik peristiwa kemerdekaan yang masih kekal dalam ingatan. Bentuk persembahan pula diatur untuk mengimbau semangat perjuangan masa lampau yang menghasilkan kejayaan yang dikecapi hari ini. Semoga hasrat meraikan Bulan Kemerdekaan ini tercapai sejajar dengan kecemerlangan seni yang di persembahkan.

Selamat menonton.

DR. HATTA AZAD KHAN



To help strengthen the spirit of independence within every citizen of Malaysia, Istana Budaya returns with a powerfully patriotic performance in tandem with the objectives of the Independence Month celebrations.

The double-bill performance of The National Symphony Orchestra and The National Choir will help the flames of patriotism to burn more brightly in the hearts of Malaysian arts enthusiasts. The poetry of the lyrics of the performance repertoire will capture the precious moments of the fight for independence. The careful selection of the music embodies the spirit of freedom and independence. It is hoped that the goals and objectives of the Independence Month will be achieved through this milestone performance.

Wishing one and all an enjoyable evening.

KOIR KEBANGSAAN national choir

Kumpulan Koir Kebangsaan ditubuhkan pada tahun 1991 rentetan dari program yang diwujudkan oleh Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia di bawah Cawangan Pembangunan Seni Muzik, Panggung Negara. Ia adalah kesinambungan kepada kegiatan koir yang sedia wujud sejak akhir 60 an bersesuaian dengan usaha Kementerian mempertingkatkan pembangunan dan perkembangan mutu seni vokal tanahair. Sehingga kini keanggotaan Koir Kebangsaan adalah seramai 60 ahli dan mereka menjalani latihan dua kali seminggu. Ahli-ahli koir ini terdiri dari mereka yang terlatih dalam muzik dan berbakat dalam nyanyian. Koir Kebangsaan ini mampu memberi persembahan dengan koleksi lagu yang luas meliputi bentuk Klasikal, Melayu Asli, Kontemporari dan Pop. Kumpulan ini juga boleh menguasai lagu-lagu Koir dalam pelbagai bahasa seperti German, Itali, Perancis, Hindi dan Cina.

Kecemerlangan Koir Kebangsaan dapat dilihat dari kegiatannya yang terlibat dalam pelbagai acara di dalam dan di luar negara. Antaranya, Kumpulan Koir Kebangsaan pernah mewakili negara di 'National Choir of Malaysia in Concerts' di Singapura pada November 1997, Second World Children Festival di Nagoya, Jepun pada Ogos 1991, International Children's Choir Festival di Phoenix, Arizona, America pada Ogos 1997 dan Asean Festival of Children's Choir di Manila, Filipina pada Jun 1992 serta Konsert bersama Kumpulan "Isahaya Boys and Girls Chorus Group" daripada Nagasaki, Jepun.



Kumpulan Koir Kebangsaan juga pernah mengadakan persembahan kepada tetamu negara, termasuk YAB Perdana Menteri Malaysia dan Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong. Koir Kebangsaan mendapat penghormatan menyanyi dalam acara Perasmian Sukan Komanwel ke 16 di Kuala Lumpur pada tahun 1998, Perayaan Kemerdekaan ke 43 di Shah Alam serta Perasmian Shah Alam sebagai sebuah bandaraya. Untuk perancangan jangka panjang Koir Kebangsaan sentiasa memberikan tumpuan dalam usaha untuk meningkatkan prestasi kumpulan ini dengan menitikberatkan kegiatan akademik dalam bidang koir dan sentiasa mengalu-alukan ahli baru yang berminat untuk menyertai bidang ini sebagai pelapis.

Konsert pada malam ini merupakan salah satu dari siri persembahan yang diadakan oleh Koir Kebangsaan dengan iringan Orkestra Simfoni Kebangsaan untuk meraikan Bulan Kemerdekaan di samping meningkatkan kualiti dan prestasi kumpulan ini.

The National Choir of Malaysia was founded in May 1991 under the Ministry of Culture, Arts and Tourism. This was an extension of the early efforts in the 60's, of the Ministry to raise the interest and standards of vocal performance in the country. Today the National Choir has 60 members who rehearse twice weekly. The choir consists of those who are musically skilled with a special talent for singing. The Choir has an incredibly wide and extensive repertoire that includes Classical music, Malay Asli music, pop and contemporary music in numerous languages such as German, Italian, French, Hindi and Chinese. The choir has participated in numerous local and international events such as The 'National Choir of Malaysia in Concert' in Singapore in November 1997, Second World Children Festival in Nagoya, Japan in August 1991, International Children's Choir Festival in Phoenix, Arizona, America in August 1997 and Asean Festival of Children's Choir in Manila, Phillipines in June 1992 as well as a concert with the "Isahaya Boys and Girls Chorus Group" from Nagasaki, Japan.

The choir has also had the privilege of performing for His Royal Highness The King and for the Prime Minister of Malaysia. In 1998, the National Choir was given the honour to sing for the Opening Ceremony of the 16th Commonwealth Games in Kuala Lumpur, the 43rd. National Day Celebrations in Shah Alam and the launching of Shah Alam as a city. The choir is involved in outreach and educational programs as a long-term goal to raise the standard of music especially vocal performance in Malaysia and to ensure the continued success and participation of enthusiasts.

Tonight's performance is part of a series with the accompaniment of The National Symphony Orchestra to raise the standard and profile of the choir and to celebrate the Independence Month of Malaysia.

ORKESTRA SIMFONI KEBANGSAAN national symphony orchestra

Semenjak dilancarkan semula pada tahun 1993, reputasi Orkestra Simfoni Kebangsaan (OSK) telah meningkat dengan cemerlang. Kepelbagaian budaya di negara ini menjadi asas peningkatan berkenaan. Di peringkat antarabangsa, OSK telah menjalin hubungan yang akrab dengan Suruhanjaya -suruhanjaya tinggi, Kedutaan-kedutaan asing, pihak korporat dan juga badan-badan bukan kerajaan melalui penyediaan persembahan yang bertahap cemerlang. Semenjak kebelakangan ini OSK telah mengadakan konsert-konsert yang dipimpin oleh konduktor Muzik dan 'Soloist' bertaraf antarabangsa.

Konsert-konsert yang dipersembahkan mendapat sambutan masyarakat dan telah menggalakkan mereka menghargai nilai objektif sebenar OSK. Amatlah penting penonton Malaysia diperdengar dan dipertontonkan dengan persembahan antarabangsa, dan pemuzik tempatan. OSK akan sentiasa menggalakkan aktiviti pendidikan muziknya yang juga berperanan penting dalam menyediakan maklumat-maklumat terkini mengenainya. Ia akan sentiasa menyokong dan menggalakkan bakat-bakat dari generasi muda untuk melibatkan diri dalam bidang ini di masa hadapan.

Gandingan persembahan Orkestra Simfoni Kebangsaan dengan Koir Kebangsaan pada malam ini merupakan beberapa siri persembahan yang diadakan pada setiap bulan bagi meningkatkan prestasi dan kecemerlangan kumpulan ini di samping meraikan kerian Bulan Kemerdekaan tanahair kita.

Since its re-establishment in 1993, The National Symphony Orchestra (NSO) has built an excellent reputation. The diversity of culture in the country has significantly contributed towards the growth in stature of the orchestra. To forge its international reputation, the NSO maintains a close relationship with all Embassies, High Commissions, Corporate Companies and Foundations here in Malaysia. In return, numerous cultural exchange programmes have been undertaken that have managed to encourage greater enthusiasm and participation. The orchestra has performed a number of memorable concerts over the years that have featured internationally acclaimed conductors and soloists. These fascinating challenges have inspired the Orchestra to strive for greater heights in the new millennium.

The concerts have received critical acclaim and artistic success and have encouraged the local audience to appreciate the value of the objectives of the NSO. While it is important for the Malaysian audience to hear performances of international quality, the NSO maintains a strong commitment to performances by the best Malaysian musicians. The Orchestra will continue its valuable role in providing a platform to promote its activities, particularly in the field of education. It will constantly support and encourage young talent to participate more actively to ensure the success of the next generation.

This collaboration with the National Choir is a series of performances that are scheduled for each month, that will raise the profile and standard of the orchestra and usher in the celebrations of the Independence Month of Malaysia.



MUSTAFA FUZER NAWI
konduktor conductor

Dilahirkan di Malaysia, Mustafa Fuzer Nawi mempelajari violin dan muzik kamar di Hochschule fur Musik und Theater di Hannover, Jerman daripada Oscar C. Yatco dari tahun 1986 sehingga 1991 dengan biasiswa Kerajaan Malaysia. Setelah dianugerahkan ijazah, Mustafa aktif di dalam persembahan-persembahan orkestra dan muzik kamar di Kuala Lumpur dan telah memainkan peranan penting di dalam pembentukan kumpulan kamar Cemarata.

Mustafa memegang jawatan sebagai pemimpin konsert Orkestra Simfoni Kebangsaan dari tahun 1993 hingga 1997. Selepas itu, beliau melanjutkan pelajaran di Conservatorium Hogelschool Enschede di Holland dari tahun 1997 sehingga 1999. Di sana, beliau belajar memimpin orkestra dan pancaragam daripada Kerry Woowards dan memimpin koir daripada Kess Stolwijk.

Pada tahun 1996, Mustafa telah dipelawa menyertai Orkestra Cologne Chamber dan telah menjelajah beberapa buah bandar di Jerman dan Perancis di bawah pimpinan Helmut Mueller Bruehl. Semasa temasya Sukan Komanwel XVI di Malaysia pada tahun 1998, beliau telah diundang sebagai penolong pemimpin kepada Andrea Quinn di dalam Orkestra Belia Komanwel.

Pada November 1998, tahun pertama beliau di Belanda, Beliau telah diundang untuk memimpin Symfonia Jong Twente Enschede, Twents Symfonie Orkest Enschede dan Oostgelders Symfonie Orkest Doetinchem Di Belanda. Pada tahun berikutnya, Mustafa telah memimpin Collegium Musicum Bocholt.

Kini Mustafa adalah pemimpin tetap di Orkestra Simfoni Kebangsaan, Kuala Lumpur, Malaysia.

Born in Malaysia, Mustafa Fuzer Nawi studied violin and chamber music at Hochschule fur Musik und Theater, Hannover, Germany between 1986 to 1991 on scholarship from the Malaysian Government. Since completing his degree, Mustafa has been extremely involved in orchestra and chamber music performances in Kuala Lumpur and has been instrumental in the formation of the Camerata Chamber Ensemble.

Mustafa was the conductor of the National Symphony Orchestra from 1993 to 1997. In 1996 Mustafa was accepted to become a member of the Cologne Chamber Orchestra which toured numerous cities in Germany and France conducted by Helmut Mueller Bruehl. He then furthered his studies in conducting for orchestra and brass band under Kerry Woodward and conducting for choir under Kess Stolwijk at the Hogelschool Enschede Conservatorium in Holland until 1999.

In 1998 he was invited to become the assistant conductor for the Commonwealth Youth Orchestra under Andrea Quinn. While in Holland he was invited to conduct the Symfonia Jong Twente Enschede, Twents Symfonie Orkest Enschede, Oostgelders Symfonie Orkest Doetinchem and Collegium Musicum Bocholt.

He is currently the resident conductor of National Symphony Orchestra.



SYAFINAZ SELAMAT
solo soloist

Syafinaz Selamat pemegang Ijazah Muzik dari Institut Teknologi MARA ini adalah merupakan anak didik Siti Chairani Proehoeman (Vokal) dan Muzzafar Abdullah (Piano). Beliau telah mengadakan persembahan vokal solo di Malaysia, Singapura dan Korea. Di samping menjadi soloist utama, Syafinaz juga adalah jurulatih vokal dan konduktor bagi Koir Kebangsaan Malaysia. Beliau juga bertindak sebagai pemimpin Konsert Koir Kebangsaan. Serta turut aktif dalam persada seni muzik kontemporari tanah air sebagai penyanyi dan pengacara rancangan hiburan. Sekarang beliau bertugas sebagai pensyarah di Universiti Teknologi MARA dan juga di Akademi Seni Kebangsaan di dalam bidang vokal dan "lyrics diction"(International Phonetic Alphabets - IPA)

She holds a Bachelor degree in music from MARA Institute of Technology and was a student of Siti Chairani Proehoeman (Vocal) and Muzzafar Abdullah (Piano). She had performed her solo vocal on several occasions in Malaysia, Singapore and Korea. Besides, being a leading soloist, she is also a vocal instructor and conductor of the Malaysian National Choir, as well as a leader of National Choir Concert. She actively involved in contemporary music in Malaysia as a singer and DJ of entertainment programme. At present, she lectures at UiTM and the National Academy of Arts, teaching vocal an 'lyric diction' (International Phonetic Alphabets-IPA)






TAN CHONG YEW komposercomposer

Merupakan seorang pencipta terkenal dalam penulisan muzik tanahair dan berupaya memberi sentuhan gubahan citarasa Malaysia. Beliau banyak menggubah lagu yang sedia ada dalam bentuk 'Chamber Music'. Dilahirkan pada tahun 1931 di Kuala Lumpur dan mendapat pendidikan di Sekolah Chong Hwa di Setapak. Minat beliau dalam seni muzik bermula pada usia 14 tahun dan telah berjaya mendapatkan sijil kepujian gred VIII daripada 'Royal School of Music' dengan kepujian sepanjang 4 tahun dan seterusnya diiktiraf melalui sijil L.R.S.M setahun selepasnya. Atas kecemerlangan itu, beliau telah dianugerahkan biasiswa selama 3 tahun untuk melanjutkan pelajaran di 'Royal Academy of Music', London dengan pengkhususan dalam persembahan piano dan gubahan. Setelah pulang dari belajar pada tahun 1956, sewaktu semangat kemerdekaan sedang melanda Malaya ketika itu, beliau merasa terpanggil untuk memmanifestasikan lagu-lagu ciptaan sendiri yang bercirikan muzik tanahair. Pada tahun 1957 beliau telah ditawarkan jawatan sebagai pengarah muzik di Filem Negara.

Sepanjang penglibatan dengan bidang muzik, beliau telah memanfaatkan bakat yang diperolehi sebagai pemain piano dan penggubah Orkestra Radio untuk selama 25 tahun. Sepanjang tempoh tersebut beliau berusaha gigih dalam menggubah, menotasikan dan merakam semula lagu-lagu dalam 'string Ensemble' melalui kumpulan muzik yang bernama 'Muzika' dan rancangan ini telah terpilih sebagai program mingguan siri televisyen. Antara gubahan muzik yang menjadi pilihan beliau ialah lagu 'Sejal Irama Kadazan' yang berteraskan seni muzik kumpulan etnik dari Sabah, 'Harmoni No 1' yang bertema dan bercirikan keharmonian kaum di Malaysia, 'Mahkota Cinta' untuk alat muzik Soprano dan Orkestra dengan puisi karya Dato'Usman Awang.

Sekalipun telah bersara, beliau masih bergiat cergas menghasilkan siri persembahan terutama dalam gubahan 'string ensemble'



"A musician noted for writing music with Malaysian touch for orchestra. Also known for re-arranging local songs for chamber group".

Born in 1931 in Kuala Lumpur and received his education at the Chong Hwa High School in Setapak (now Jalan Ipoh). His interest in music started at age fourteen and received his Grade VIII (Royal School of Music) with distinction in four years and L.R.S.M. one year later. He was awarded a three year scholarship to study at Royal Academy of Music, London, majoring in piano performance and composition.

When he returned home in 1956, Malaya was in high spirits with the prospect of independence. The desire to create our own national music stirred in him. Film Negara made him Director of Music in 1957.

In 1963 he became the pianist/arranger of Radio Orchestra, a post he held for the next 25 years. His main focus was to score, notate and to record string ensemble music for "Muzika", a weekly television series. Among his favourite compositions for orchestra are "Sejak Irama Kadazan" based on Sabahan ethnic music, "Harmony No.1" with themes of Malay, Chinese and Indian characteristics by Ariff Ahmad, Mahkota Cinta for Soprano and Orchestra with verse by Usman Awang.

Since his retirement he keeps himself busy by performing string music for various occasions.



RAMLAN IMAM komposercomposer

Memulakan karier dalam bidang muzik sebagai pemain violin dalam Orkestra RTM pada tahun 1979. Semenjak tahun 1981, beliau bergiat cergas sebagai pemuzik, penerbit dan penggubah lagu. Beliau pernah melibatkan diri dalam Festival Jazz di Amsterdam dan banyak menyertai seminar dalam dan luar negara.

Karya-karya gubahan beliau banyak diilhamkan dalam bentuk Chamber music, Big Band dan Orkestra. Sekarang beliau merupakan Ketua Program Muzik di Akademi Seni Kebangsaan, di samping menjadi penggubah jemputan kepada Orkestra Simfoni Kebangsaan.

Started his career in music as a violinist in RTM Orchestra in 1979. From 1981, he has been actively involved as a musician, producer and composer. He participated in the Jazz Festival in Amsterdam and attended seminars locally and abroad.

Most of his work is in the form of Chamber Music, Big Band and Orchestra. Presently, he is head of music programme at the National Arts Academy as well as guest composer for the National Symphony Orchestra.

RAYMOND KONG komposercomposer

Dilahirkan di Ipoh, Perak pada tahun 1968 dan menyertai Orkestra Simfoni Kebangsaan pada tahun 1989 sebagai Principal Clarinet. Di samping itu beliau juga sering diundang untuk bermain dengan Malaysian Philharmonic Orchestra, Asia Philharmonic Orchestra dan Asia Youth Symphony Orchestra.

Selain daripada bermain muzik beliau juga aktif dengan program pendidikan muzik di Pusat Pengajian Tinggi dan di sekolah-sekolah muzik di sekitar Lembah Klang.

Gubahan dan ciptaan beliau telah pun dipersembahkan oleh Orkestra Simfoni Kebangsaan, Malaysian Philharmonic Orchestra dan Camerata String Orchestra Kuala Lumpur dan Bengkel Tunas Budaya anjuran Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.



Born in Ipoh, Perak in 1968 and he joined the National Symphony Orchestra in 1989 as the Principal Clarinet. He is often a guest musician with the Malaysian Philharmonic Orchestra, Asia Philharmonic Orchestra and the Asia Youth Symphony Orchestra.

Besides being a sought after performer, he is involved in music education in institutions of higher learning and various private music schools in the Klang Valley.

His arrangements and compositions have been performed by the National Symphony Orchestra, The Malaysian Philharmonic Orchestra, the Camerata String Orchestra Kuala Lumpur and the Youth Workshop organised by the Ministry of Culture, Arts and Tourism.

DRS. YOESBAR DJAELANI komposercomposer

Di lahirkan di Sumatra. Beliau mendapat pendidikan muzik di Akademi Seni Muzik Indonesia Yogyakarta dan juga memperolehi Ijazah Sarjana Muda dalam bidang gubahan di Institut Kesenian Indonesia, Yogyakarta. Sepanjang kariernya, beliau telah banyak menghasilkan karya yang berbentuk simfoni, Chamber Music untuk program Indonesia Wind Orchestra, Symfoni Institut Seni Indonesia, Surabaya Pro String Ensemble dan banyak Orkestra Simfoni di Sumatera.

Selain daripada itu beliau pernah menyertai berbagai persidangan komposer dan di peringkat Antarabangsa. Beliau adalah ketua Jabatan Muzik Aski Pandang Panjang dan pensyarah di Fakulti Seni Persembahan di UiTM Shah Alam.

Born in Sumatra, he received his music training at the Music Academy of Indonesia, Yogyakarta and obtained a Bachelor of Music in composition and arranging from The Arts Institute of Indonesia, Yogyakarta. He has written and arranged for the Indonesian Wind Orchestra, Symphony of the Arts Institute of Indonesia, Surabaya Pro String Ensemble and other symphony orchestras in Indonesia.


He has participated in numerous conferences for composers and is Head of Music of ASKI, Pandang Panjang and lectures at the Faculty of Performing Arts, UiTM, Shah Alam.



komposercomposer KHAIRIL JOHARI JOHAR SOTOSOLOIST

Khairil Johari Johar memang tidak asing kepada peminat seni muzik tanahair. Beliau adalah seorang pencipta lagu, penggubah, penulis lirik, penerbit dan juga seorang pemuzik yang berkaliber. Mendapat pendidikan formal muzik di peringkat Masters of Music (Jazz Studies) di New England Conservatory of Music, Boston, Mass. USA dan Bachelor of Music (Professional Music) di Berkley College of Music, Boston, Mass, USA. Sebelum itu beliau pernah bertugas sebagai Pegawai Kebudayaan di Pusat Kebudayaan Universiti Malaya mulai 1985 sehingga 1987 dan pensyarah di Jabatan Muzik, Fakulti Seni Persembahan, Universiti Teknologi MARA mulai 1990 sehingga kini.

Sepanjang penglibatan dalam bidang seni beliau telah memenangi pelbagai pertandingan ciptaan lagu antaranya ialah juara pertandingan Lagu Patriotik Malaysia pada tahun 1984, juara lagu bertajuk *Aneka Rasa Buah-Buahan Malaysia* di Pertandingan Pesta Buah-Buahan pada tahun 1987, juara Pertandingan Lagu Dakwah Kebangsaan pada tahun 1994 bertajuk *Jelita Malam* dan yang terbaru beliau menjuarai pertandingan Mencipta lagu Sayembara Puisi III pada 2001 dengan tajuk *Pelangi*. Antara lagu yang terkenal yang pernah diciptanya untuk penyanyi tempatan ialah *Terbang Helang* nyanyian Sharifah Aini, *Sabarlah Menanti* nyanyian Allahyarham Sudirman Haji Arshad dan lagu bertajuk *Kesedaran* nyanyian D.J. Dave. Di samping mencipta lagu untuk pertandingan beliau juga diberi penghormatan untuk mencipta lagu-lagu tema khusus kepada Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan bertajuk *Payung Mahkota*, Sultan Selangor bertajuk *Seri Diraja* dan juga ciptaan lagu-lagu korporat untuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Paralimpik Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad.



The name needs no introduction to the music lovers in Malaysia. Khairil is a composer, arranger, producer, lyricist and a musician of great caliber. Obtained a Bachelor of Music (professional Music) from the Berkley College of Music, Boston, Mass., USA and a Masters of Music (Jazz Studies) in the New England Conservatory. He served as a cultural officer at the Cultural Center of University Malaya from 1985-1987 and as a lecturer in the Music Department of Universiti Teknologi MARA from 1990. He has won numerous prizes for his compositions such as Patriotic Song Contest 1984 and most recently, at the composition for Sayembara Puisi III Kebangsaan 2001 with Pelangi.

His songs have been recorded by the leading Malaysian entertainers such as Sharifah Aini, the late Sudirman Haji Arshad and DJ Dave. He was also given the honour to write the theme songs for His Royal Highness of Negeri Sembilan entitled Payung Mahkota, Seri Diraja for His Royal Highness of Selangor and others.

MELAYU

Melayu itu orang yang bijaksana
Nakalnya bersulam jenaka
Budi bahasanya tidak terkira
Kurang ajarnya tetap santun
Jika menipu pun masih bersopan
Bila mengampu, bijak beralas tangan.

Melayu itu berani jika bersalah
Kecut takut kerana benar,
Janji simpan di perut
Selalu pecah di mulut,
Biar mati adat
Jangan mati anak

Melayu di Tanah Semenanjung luas maknanya :
Jawa itu Melayu, Bugis itu Melayu
Banjar juga disebut Melayu
Minangkabau memang Melayu
Keturunan Aceh adalah Melayu
Jakun dan Sakai, asli Melayu
Arab dan Pakistani, semua Melayu
Mamak dan Malbari serap ke Melayu
Malah, mu'alaf bertakrif Melayu
(Setelah disunat, anunya itu)

Berkelahi cara Melayu,
Menikam dengan pantun
Menyanggah dengan senyum,
Marahnya dengan diam
Merendah bukan menyembah
Meninggi bukan melonjak.

Watak Melayu menolak permusuhan
Setia dan sabar tiada sempadan
Tapi jika marah tak nampak telinga
Musuh dicari ke lubang cacing
Tak dapat tanduk telinga dijinjing,
Maruah dan agama dihina jangan
Hebat amuknya tak kenal lawan.

Berdamai cara Melayu indah sekali
Silaturahmi hati yang murni
Maaf diungkap senantiasa bersahut
Tangan dihulur senantiasa disambut
Luka pun tidak berparut.

Baiknya hati Melayu itu, tak terbandingkan
Segala yang ada sanggup diberikan,
Sehingga tercipta sebuah, kiasan :
"Dagang lalu nasi ditanakkan
Suami pulang lapar tak makan
Kera dihutan disusu-susukan
Anak dipangkuan mati kebuluran"

Dalam sejarahnya
Melayu itu pengembara lautan
Melorongkan jalur sejarah zaman
Begitu luas daerah sempadan
Sayangnya kini segala kehilangan.

Melayu itu kaya falsafahnya
Kias kata bidal pusaka
Akar budi bersulam daya
Gedung akal laut bicara.



Malangnya, Melayu itu kuat bersorak
Terlalu ghairah pesta temasya
Sedangkan kampung telah tergadai
Sawah sejalar tinggal sejengkal
Tanah sebidang mudah terjual.

Meski telah memiliki telaga
Tangan masih memegang tali
Sedang orang mencapai timba.
Berbuahlah pisang tiga kali
Melayu itu masih bermimpi
Walaupun sudah mengenal universiti
Masih berdagang, di rumah sendiri

Bagaimana Melayu abad dua puluh satu,
Masihkah tunduk tersipu-sipu?
Jangan takut melanggar pantang
Jika pantang menghalang kemajuan
Jangan segan menentang larangan
Jika yakin kepada kebenaran
Jangan malu mengucapkan keyakinan
Jika percaya kepada keadilan.

Jadilah bangsa yang bijaksana
Memegang tali memegang timba
Memiliki ekonomi mencipta budaya
Menjadi tuan, di negara Merdeka.

Dato' Usman Awang
Sasterawan Negara

| | |
|---------------------------------------|--|
| Sri Overture | Instrumental Ciptaan dan Gubahan RAYMOND KONG |
| Si Baju Hijau | Orkestra dan Koir Ciptaan KASSIM MASDOR Gubahan RAMLAN IMAM |
| Perwira | Orkestra dan Koir Ciptaan P. RAMLEE Gubahan DRS YOESBAR DJAELANI Penyanyi SYAFINAZ SELAMAT |
| Selendang Sutera | Orkestra dan Koir Lagu Tradisional Gubahan KHAIRIL JOHARI JOHAR |
| Tanah Pusaka | Orkestra dan Koir Ciptaan AHMAD MERICAN Gubahan TAN CHONG YIEW |
| Fantasia on Putra-Putri | Instrumental Ciptaan JIMMY BOYLE Gubahan TAN CHONG YIEW |
| REHATinterval | |
| Puisi 'MELAYU' | Instrumental Ciptaan DATO' USMAN AWANG Deklamasi AHMAD YATIM Gubahan RAMLAN IMAM |
| Jauh-Jauh | Orkestra dan Koir Ciptaan JIMMY BOYLE Gubahan RAYMOND KONG |
| Pelangi | Orkestra dan Koir Ciptaan dan Gubahan KHAIRIL JOHARI JOHAR JUARA SAYEMBARA PUISI III KEBANGSAAN 2001 Penyanyi KHAIRIL JOHARI JOHAR, KHAIFIZA ABDUL HALIM, NURULHAMIMI ABDUL RAHMAN, RITA MARDDHATILLAH UMAR RAUF. |
| Be Our Guest | Orkestra dan Koir Ciptaan dan Gubahan RAYMOND KONG |
| Gunung Kinabalu, Sungai Pahang | Instrumental Ciptaan JOHAR BAHAR, JIMMY BOYLE Gubahan KHAIRIL JOHARI JOHAR |
| Vanja Millamal | Acapella Ciptaan RE.SHUNMUGAM Gubahan DRS.YOESBAR DJAELANI |
| Tanjung Putri | Instrumental Ciptaan ALI OTHMAN |
| Senyumlah Kuala Lumpur | Ciptaan M.NASIR Gubahan RAMLAN IMAM |
| Sejahtera Malaysia | Orkestra dan Koir Ciptaan DATO' AHMAD DASILLAH Gubahan DRS. YOESBAR DJAELANI |
| Jalur Gemilang | Orkestra dan Koir Ciptaan PAK NGAH Gubahan RAMLAN IMAM |

PROGRAM



SINOPSIS PERSEMBAHAN Synopsis

Sri Overture

Ciptaan dan Gubahan RAYMOND KONG
Sebuah lagu ciptaan baru yang menggambarkan kegembiraan menyambut Bulan Kemerdekaan oleh pelbagai lapisan masyarakat di Malaysia dengan penuh harmoni.

Composed and arranged by RAYMOND KONG

A new and original composition depicting the joy of the Independence month celebrations by the various communities living in harmony in Malaysia.

Si Baju Hijau

Ciptaan KASSIM MASDOR Gubahan RAMLAN IMAM
Lagu yang mengisahkan kisah suka-duka perjuangan pasukan angkatan bersenjata Malaysia memikul tanggungjawab mempertahankan negara dari anasir luar.

Composer KASSIM MASDOR Arranged by RAMLAN IMAM

A beautiful song telling of the joys and sorrows of the Malaysian Armed Forces that have the responsibility to defend our nation.

Perwira

Ciptaan P. RAMLEE
Lagu yang menerangkan luahan hati seorang isteri yang bersuamikan seorang parajurit yang bertugas di perbatasan. Perjuangan sang suami tidak mengecewakan isterinya malahan mendapat sokongan yang berterusan demi mempertahankan negara.

Composer P.RAMLEE

The trials and emotions of the wife of a soldier on national duty is hauntingly portrayed in this song. The duty of the husband does not disappoint the wife and in turn gives him all the support and encouragement he needs.

Selendang Sutera

Lagu Tradisional
Sebagai menghilangkan rasa kerinduan terhadap suami yang sedang dalam perjuangan di medan pertiwi sehelai selendang menjadi tali pengikat sebagai pengubat kerinduan si isteri.

To allay her fears and sustain her love, the longing wife clings on to a silk scarf that as the symbol of their union.

Tanah Pusaka

Ciptaan AHMAD MERICAN
Mengisahkan kegemilangan dan keindahan tanah air Malaysia yang menjadi pusaka kepada seluruh rakyat. Harapan agar tanahair kita sentiasa berada di dalam keadaan aman dan damai.

Composer AHMAD MERICAN

Describing the beauty and happiness of Malaysia that is the heritage of every citizen. It is hoped that Malaysia will always remain in peace and harmony.

Fantasia on Putra-Putri

Ciptaan JIMMY BOYLE
Lagu lama yang diberi nafas baru mengisahkan semangat golongan remaja yang cintakan negara. Kemerdekaan sebuah negara akan dikecapi sekiranya seluruh rakyat Malaysia bersatu padu dan berganding bahu terutama golongan muda yang suatu hari nanti bakal menjadi pemimpin pada masa hadapan.

Composer JIMMY BOYLE

The spirit of the youth who love, the nation is embodied in this old favourite which has been given a fresh interpretation. The independence of a country can only be achieved if the people of Malaysia unite and cooperate especially the youth who will one day lead the country.

Puisi 'MELAYU'

Ciptaan DATO' USMAN AWANG Deklamasi AHMAD YATIM

Sebuah sajak ciptaan Dato' Usman Awang yang memberi gambaran sebenar nilai-nilai masyarakat Melayu.

Written by DATO' USMAN AWANG Recited by AHMAD YATIM

Prose and verse that depict the values of the Malay race who are the indigenous people of this land.

Jauh-Jauh

Ciptaan JIMMY BOYLE

Lagu mengisahkan keindahan pemandangan persisiran pantai Malaysia

Composer JIMMY BOYLE

The beauty of the panoramic beaches of Malaysia is portrayed in this piece.

Pelangi

Ciptaan KHAIRIL JOHARI JOHAR

Lagu berdasarkan sajak M.Ghazali yang di cipta pada tahun 1957, mengisahkan perjuangan sebelum kemerdekaan

Composer KHAIRIL JOHARI JOHAR

Based on the poem by M.Ghazali about the struggle for independence written in 1957.

Be Our Guest

Ciptaan RAYMONG KONG

Sebuah lagu masyarakat Cina Malaysia yang menggambarkan kemuliaan terhadap menghormati para tetamu.

Composer RAYMOND KONG

A folk song of the Chinese Malaysian that deals with the respectfulness towards guests.

Gunung Kinabalu, Sungai Pahang

Ciptaan JOHAR BAHAR & JIMMY BOYLE

Mengisahkan keindahan Gunung Kinabalu yang menjadi mercu tanda gunung tertinggi di Malaysia. Selain dari ketinggiannya, kehidupan dan keindahan di persekitarannya sentiasa menjadi kebanggaan rakyat Malaysia. Sungai Pahang yang kedua terpanjang di Malaysia menjadi sumber inspirasi penciptaan lagu ini.

Composers JOHAR BAHAR & JIMMY BOYLE

Telling of the beauty of Mount Kinabalu which is the highest peak in Malaysia. Aside from this beauty, the life and its surroundings are also a source of pride of the nation. 'Sungai Pahang is the second longest river in Malaysia inspired the song.

Vanja Millamal

Ciptaan RE.SHUNMUGAM

Sebuah lagu yang menggambarkan keamanan dan kemakmuran Malaysia.

Composer RE.SHUNMUGAM

A song that reflect the peace and prosperity of Malaysia

Tanjung Putri, Senyumlah Kuala Lumpur

Ciptaan ALI OTHMAN dan M.NASIR

Lagu mengisahkan kehidupan para nelayan di Tanjung Puteri negeri Johor yang penuh dengan ketenteraman. Keindahan Kuala Lumpur digambarkan dengan penuh warna-warni.

Composers ALI OTHMAN & M.NASIR

Depicting the life in the fishing village of Tanjung Puteri in the state of Johore which is incredibly peaceful and beautiful.

Sejahtera Malaysia

Ciptaan TAN SRI DATO' MOHAMED RAHMAT

Kesyukuran rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa yang hidup dengan penuh kedamaian dan kemakmuran. Kegemilangan ini digambarkan dengan kehidupan penuh harmoni antara kaum Malaysia dan hanya dapat dikecapi dengan tekad perjuangan dan usaha yang jitu.

Composer TAN SRI DATO' MOHAMED RAHMAT

The gratefulness of the people of Malaysia where there is prosperity and harmony between the various races. This can only be achieved through perseverance and a concerted effort.

Jalur Gemilang

Ciptaan PAK NGAH

Bendera Malaysia berkibar dengan megah 14 jalur putih dan merah melambangkan 14 buah negeri yang terdapat di Malaysia, warna biru membawa erti perpaduan rakyat Malaysia. Warna kuning pada anak bulan dan bintang adalah warna Diraja. The Malaysian flag is the inspiration of this song flying proudly with its 14 red and white stripes representing the 14 states which constitute Malaysia, and yellow of the crescent and star is the Royal colour of the nation, while the blue symbolises the harmony of its people.

AHLI KOIR choir members

Tunku Marina Tunku Zubir
Syafinaz Selamat

Yap Cheng May

Soprano

Cherish Chai
Eunice Lew Ling Hwei
Fadlita Md Taib
Khaifiza Abd Halim
Koo Shu Zhen
Mindy Chai
Serene She Ai Ling
Tong Pui San
Nadia Ahmad Zaharan
Nuruthamimi Abd Rahman
Wong Voon Yam

Alto I

Cindy Fong
Chow Yee Fun
Chye Yueh Chien
Janet Kam Rong Luh
Jessica Tiaranilla
Koh Jing Jing
Koh Wei Wei
Rahimah Umar Rauf
Rita Mardhatillah Umar Rauf
Tan Keng Lu

Koordinator Koir *Choir Coordinator*
Jurulatih Vokal, Penasihat Koir, *Vocal Master,*
& *Choir Advisor*
Konduktor *Conductor*

Soprano II

Ann Salina Peter
Cheryl Toa Yee Wei
Chow Yee Mun
Lum Wei Yee
Veronica Shunmugam
Ng Yuet Sum
Phang Ye Hui
Phang Ye Mein
She Ai Li
Wong In Nuen.

Alto II

Azizon Ishak
Chow Yee Kee
Liau Swee Foong
Normazida Majid
Pang Cbin Huey

Tenor I

Ahmad Suffian Mohd Pauzi
Fun Nyit Yin
Yong Yew Year

Tenor II

Casey Koh Hong Im
Mohd Radzi Abd Rashid
Ng Phooi Guan
Wong Choo Kien

Bass

Faridul Anwar Farinordin
Kow Wei Lieh
Mohd Amri Mohd Zin
Ng Choon Wai
Teva Kumar Vijayakumar

SENARAI AHLI MUZIK *list of musicians*

Konduktor conductor
Mustafa Fuzer Nawi

1st Violins

Maya Musayeva (*Konsert mistress*)
Ahmad Razli Ayub
Ho Suh Min
Ho Chwun Ching
Helen Patterson
Chong Wee Wha
Jane Ng Chee Yean
Hanna Leiponen
Wu Qzong Xing
Zameelah Borhan
Potocka Malgorzata

2nd Violins

Yip Siew Keen
Helena Ong Hay Ling
Jifri Zin
Radzali Mustafa
Zaleelah Borhan
Chew Chen Boon
Kam Shi Ling
Abdul Hadi Ahmad Razli

Violas

Chin Ying Yuen
Terence Ong Chin Hooi
Chong Kwee May
Koay Paik Hoon
Chew Yew Chee
Mahbob Mohd.

Cellos

Nasran b. Nawi
Lian Phooi Hooi
Low Mung See
Halina Ostojaska
Lim Bin Shing
Lee Kett Chuan

Double Basses

Mohd Roni Mohamed
Roslan Pilus
Khold Ahmad
Nazli Mohd Ali
Shafizan Hj.Sabri

Flutes

Eugenia Glotov
Norman Ong Say



Oboes

Sergey Gerbold
Harianto Tgeogiopranoto

Clarinets

Raymond Kong
Lawrence Fong

Bassoons

Igor Glotov
Midori Suzuki

French Horns

Kim Vyachelav
Mami Abe
Chananakorn Panmuan
Nur Saedah Said

Trumpets

Alexander Artamonov
Haris Fadzilah Ahmad

Trombones

Hidefumi Murata
Chee Chow Ming

Bass Trombone

Amir Haroun Al Rashid

Tuba

Chew Choon Wei

Timpani

Mark Mazur

Percussions


Ewe Tek Siang
Koo Khee Chow
Stephanie Lem

Harp/ Piano

Khor Jee Fei


Tabla

Shukri Kamit



Bendera Malaysia mengandungi 14 jalur merah dan putih yang sama lebar tanda keanggotaan 14 negeri. Bahagian yang berwarna biru tua diatas sebelah kiri membawa kebawah hingga atas jalur merah yang kelima itu melambangkan perpaduan rakyat Malaysia. Bahagian biru tua mengandungi anak bulan, tanda agama Islam. Bintang pecah 14 itu tanda perpaduan 13 buah negeri dan Kerajaan Pesekutuan. Warna kuning pada anak bulan dan bintang itu ialah warna Diraja bagi Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja.

The Malaysian flag flying proudly has 14 red and white stripes that represent the 14 states of Malaysia. The blue background on the upper left of the flag to the 5th red stripe represents the harmony of the various races in Malaysia. The crescent represents Islam, the official religion of the country while the star with 14 points represents the states. The yellow in the flag is the colour of the Royalty of the country.



JALUR GEMILANG

Merah mu bara semangat waja
Putih mu bersih budi pekerti
Kuning berdaulat payung negara
Biru perpaduan kami semua

Puncak dunia telah kau tawan
Lautan luas telah kau redah
Membawa semangat jiwa mereka
Semarak jaya kami warga berdaulat

Empat belas melintang jalurnya
Semua negeri dalam Malaysia
Satu suara satu semangat
Itu Sumpah warga berdaulat

Jalur Gemilang..... Megah kami terasa
Jalur Gemilang..... Kami semua bersatu
Perpaduan ketaatan
Amalan murni rakyat Malaysia

Jalur Gemilang.....Megah kami terasa
Jalur Gemilang.....Kibarkanlah wawasan
Merah putih biru kuning
Jalur semangat kami semua.....

Berkibarlah.....
Berkibarlah.....
Berkibarlah.....
Jalur Gemilang

Lagu: Pak Ngah
Lirik : Siso Koprata



PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN *administration*



PENAUNG

DATO' ABDUL KADIR HJ. SHEIKH FADZIR
Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Pengarah Teknikal
SAINI LIHI

PENASIHAT

DATO' TENGKU ALAUDIN TENGKU ABD. MAJID
Ketua Setiausaha
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia

Jurutera
RUDY AMIR

Pengarah Senireka
HAZIZE SAN

PENERBIT

DR. HATTA AZAD KHAN
Ketua Pengarah Istana Budaya

Pengarah Pemasaran
ZAITON MD. DESA

PENERBIT EKSEKUTIF

Mohd. Bisharuddin Mohd. Noor Basha
Azhar Abu Bakar

Pengurusan Pemasaran
ABDUL MANAP ABDUL HAMID
MOHD HUSRI MORN
AZILI GEMBOR

Copywriter

JOSEPH VICTOR GONZALES

PENGURUS PRODUKSI

Hj.Muhamed Juhari Hj.Shaarani

Publisiti / Jemputan/ Tiket

AZILI GEMBOR
HUSRI MORN
KHADIJAH JOHARI



Penyelaras Program

RIDZUAN ABDUL SALAM

ROZILAWATI ABDUL RAHIM
SONAMUTHU A/L ADEKIN
MARINA MARY CHARLES
ABDUL AZIZ IDRIS

Kebajikan dan Kewangan

RAJINDER KAUR DHIA SINGH
IDRIS SHAARI

Rekabentuk Grafik

NAZALI WAHAB

Urusetia

MOHD DAUD NASIR
ZAINAL ABIDIN ZAKARIA
IDRIS SHAARI
ROHANI KHAMIS
RAJA RODZIAH RAJA OSMAN
SAZALI ABDUL HAMID
AZRANAH KADRI
KHAIRIAH MOHD EFFENDI
AZLIZA MUHAYADIN
MAYZAN MAT IDRIS
WAN NOR SALMA WAN SALLEH
NORHAYATI JAMALUDDIN
SHAARI HASHIM
MOHD RUSLAN ISMAIL
ZAINOL SULAIMAN
TARMIM OTHMAN

Jurufoto

AZHAR MUSTAPHA

TENAGA PRODUKSI *production team*

Konduktor
Mustafa Fuzer Nawi

Pendeklamasi sajak
Ahmad Yatim

Penyelarar Orkestra/ Pustakawan Muzik
Borhan Nawawi

Penyelarar Koir
Tunku Marina Tunku Zubir

Jurulatih Koir
Syafinaz Selamat

Konduktor Koir
Yap Cheng May

Pengurus Pentas
Maimun Md. Abbas

Timbalan Pengurus Pentas
YM Raja Halim Raja Daud
Abdul Rahman Roseley

Penolong Pengurus Pentas
Mohd Amin Sulaiman
Hamdan Jamuri

Pembantu Teknik Mekanikal
Mohd Zaki Abu Samah

Pembantu Teknik Elektrik
Mohd Azli Baharuddin

Juruteknik Mekanikal Pentas
Zulkeflee Husin
Mohd Fyruhnizam Yusoff

Juruteknik Unit Lampu
Abdul Razak Rahman
Amir Abu
Hasni Hasan

Pembantu Unit Lampu
Abdul Hadi Abd Malek

Juruteknik Unit Audio
Ismail Mohamad
Wan Mohd Azam Wan Ishak
Tines Kumar Murugasu

Pembantu Unit Audio
Rasol Ahmad
Mazlan Hashim
Jafri Hasan
Mazlan Yahya

Set Pentas
Nazali Wahab
Mohammed Hanafi Abd. Wahab

Juruteknik Unit Video
Ahmad Ruzaini Sharif
Ilimi Che Hamid

Pembantu Unit Video
Jamaluddin Md. Noor
Ramli Ali
Abdul Razak Bujang
Hasim Mahadi
Nor Fizayati Abdul Manaf

Jurupakalan/Jurusolek
Jailani Abdul Razak
Nor Ashikin Hassan
Azizah Aziz
Zamawani Shaari
Yusnazuwa Yunus

Pengurus Panggung
Abdul Manap Abdul Hamid
Mohamad Husri Morni
Azili Gembor

Penyelarar Artis
Abdul Aziz Idris

Penyambut Tetamu [FOH]
Azliza Muhayadin
Mustaza Salmi Zainal Abidin
Iskandar Shah
Maziah Kamarulzaman
Roslee Ahmad
Ummi Kalsom Mat
Rabeah Harun
Halimatun Md. Nor
Radziah Basri
Rohani Khamis
Raja Rodziah Raja Osman
Khadijah Johari
Roszilawati Abd. Rahim
Marina Mary Charles
Sonamuthu Adekin
Abdul Aziz Idris
Zainah Hamijan
Hanim Mohamad
Norziah Majid
Mazhariah Mansor
Azmi Mohd Zain
Ahmad Yeop
Norasma Hashim
Nurhaliza Aziz

Alizah Alias
Hanita Hassan
Rahaza Nazir
Othman Ahmad
Rahimah Abd. Kadir
Wan Zun Wan Jusoh
Normah Shaari
Noriza Harun
Wan Emiliawati Wan Ibrahim
Faridah Yahya
Wan Ruhani Ibrahim
Zambri Muhamad
Siti Fatimah Othman
Suhaimi Abd. Jalil
Angelia Pakree
Sanimah Ibrahim
Ismarozana Hassan
Nor Aini Hassan
Noor Hanida Shaari
Siti Rohani Ismail
Dinorah Zaikiah

penghargaan *acknowledgement*

Istana Budaya, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada:

Kementerian Kewangan Malaysia

Kementerian Luar Negeri

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Jabatan Imigresen Malaysia

Dewan Bahasa dan Pustaka

Arkib Negara

Muzium Negara

Radio dan Televisyen Malaysia (RTM)

Akademi Seni Kebangsaan (ASK)

Universiti Teknologi MARA (UITM)

Media massa

dan orang perseorangan yang telah memberi sokongan dan kerjasama dalam menjayakan konsert 'KERANAMU MALAYSIA' ini.

persembahan akan datang *next concert*

Westphalian Youth Symphony Orchestra

from Germany

14 Oktober 2001

Panggung Sari, ISTANA BUDAYA, Kuala Lumpur

Orkestra Simfoni Kebangsaan

national symphony orchestra


28-29 September 2001

Pacific Sutera Harbour Hotel, Sabah





Kementerian Kebudayaan, Kesenian
dan Pelancongan Malaysia



keragaman Malaysia